

400 pelajar SPM Labuan ikuti Seminar Kecemerlangan SPM anjuran YWP



LABUAN: Seramai 400 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 menyertai Seminar Kecemerlangan SPM 2018 peringkat Labuan anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Labuan.

Seminar selama 4 hari itu bermula 1 hingga 4 Oktober ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) Encik Zaizalnizam Zainun di Dewan Utama Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS), dekat sini, kelmarin.

Encik Zaizalnizam ketika berucap berkata, Yayasan Wilayah Persekutuan pada tahun 2018 telah memperuntuk sebanyak RM10 juta untuk melaksanakan pelbagai program pendidikan untuk warga Wilayah Persekutuan membabitkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“Peruntukan itu termasuklah Seminar Kecemerlangan SPM, bantuan awal sekolah dan universiti serta program yang berdasarkan pembangunan ekonomi, sosial, Agama dan Teknologi” kata- nya.

Encik Zaizalnizam menjelaskan, bagi Seminar Kecemerlangan SPM 2018, YPW telah diperuntukkan dana sebanyak RM200,000 untuk 1,200 pelajar membabitkan ketiga-tiga wilayah.



“Ketiga-tiga seminar ini diberikan secara percuma kerana semua murid yang terlibat adalah mereka yang dipilih daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah yang memerlukan perhatian pendidikan.

“Kami percaya setiap peluang untuk meningkatkan taraf hidup khususnya melalui pendidikan, jika tidak dibantu atau disokong, akan menyukarkan perjalanan sesorang itu untuk mencapai kejayaan” katanya.

Justeru itu, telah menjadi keutamaan YPW untuk terus memacu tenaga membantu serta menyokong seluruh sektor pendidikan yang memerlukan termasuklah merealisasikan

objektif utama Seminar Kecemerlangan SPM.

Bagi menjayakan program itu katanya, YPW telah menyediakan Jurulatih-jurulatih Utama (JU) untuk memberi pendedahan teknik dan tips menjawab soalan peperiksaan sekaligus dapat membantu calon SPM memperolehi keputusan yang cemerlang.

Diakhir ucpannya, Encik Zaizalnizam menasihatkan para pelajar yang terpilih menyertai seminar itu supaya merebut peluang yang disediakan dengan sebaik-baiknya kerana ia menjadi penentu masa depan pelajar.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Hasbolah Amit yang mewakili Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Pengetua Sekolah Antarabangsa Labuan, Puan Zainab Batin serta Pengetua-Pengetua sekolah.